



#selangormajubersama

BULETIN @ SUK

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Edisi Januari - Mac 2021



**PELANTIKAN DATO' NOR AZMIE DIRON
SELAKU SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR YANG BAHARU**

**SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA
PERINGKAT NEGERI SELANGOR**

**PROGRAM IMUNISASI COVID-19
KEBANGSAAN PERINGKAT
NEGERI SELANGOR**



www.selangor.gov.my



[@selangorstategovernment](https://www.facebook.com/selangorstategovernment)



[@pejabatసుకుselangor](https://www.instagram.com/pejabatసుకుselangor)



www.selangor.gov.my



@selangorstategovernment



@pejabatసుకుసెలంగర్

ISI KANDUNGAN

3-4 Sesi Penyerahan Surat Penempatan Kepada Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Selangor

5 Lawatan Dato' Menteri Besar Selangor Ke Pusat Kuarantin MAEPS Serdang

6 Sesi Pendengaran Umum Amanat Dato' Menteri Besar Selangor Sempena Tahun Baharu 2021

7 Hari Terakhir Pengoperasian Bilik Gerakan Covid-19 Negeri Selangor Di Bilik Mesyuarat Renanthera, Bahagian Korporat Pejabat Suk Selangor

8 Pelantikan Dato' Nor Azmie Diron selaku Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang Baharu

9-12 Kunjungan Agensi Luar Ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

13 Kunjungan Hormat YB Dato' Suk ke Agensi Luar

14 Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor

15 Perjumpaan Dato' Suk Bersama Ketua Jabatan

16 Perhimpunan Pagi-Sesi Bicara Suk

17 Sesi Perjumpaan YB Suk dengan semua Pegawai Gred 41 ke atas (Sayap Pengurusan)

18 Majlis Perasmian Stesen Transit Kuarantin Nestle

19 Majlis Demonstrasi Kiosk Pungutan, Smartbox PTG Selangor

20 Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor

21 Majlis Angkat Sumpah Jawatan Dan Taat Setia Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Sesi 2020-2022

22 Lawatan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin Ke Pejabat SUK Selangor

23 Program Rapat Malaysia Prihatin

24 Majlis Pelancaran dan Pecah Tanah Hab Sekuriti Makanan Selangor Smart Agro Park

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YB Dato' Nor Azmie Diron

PENASIHAT

Nor Azurah binti Nasir

KETUA EDITOR

Nurulhaizan binti Haji Rais

SIDANG EDITORIAL

Nooraini binti Jailani

Nor Fariza binti Daud

Adib bin Aziz

Hafizullah bin Mohd Hussin

FOTOGRAFI

Ahmad Fadhli bin Yahya

Nadzir Asri bin Khairi

SESI PENYERAHAN SURAT PENEMPATAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR



DATO' HAJI HARIS BIN KASIM
Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Berkuatkuasa pada 15 Mac 2021



ENCIK MOHD AZRUL BIN HASHIM
Timbalan Yang Di-Pertua Majlis
Perbandaran Kuala Langat
Berkuatkuasa pada 15 Mac 2021



TUAN ZAINOR RASHID BIN HASSIN
Ketua Pendakwa Syarie Jabatan
Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS)
Berkuatkuasa pada 15 Mac 2021



TUAN AZMAN BIN DAHLAN
Yang Di-Pertua Majlis Daerah Sabak Bernam
Berkuatkuasa pada 1 Mac 2021



TUAN HASROLNIZAM BIN SHAARI
Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
Berkuatkuasa pada 4 Mac 2021



TUAN AZMAN BIN DAHLAN
Pengarah Perhutanan Negeri Selangor
Berkuatkuasa pada 6 Januari 2021



SESI PENYERAHAN SURAT PENEMPATAN

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR



TUAN AMRI BIN ISMAIL

Pegawai Daerah Sabak Bernam

Berkuatkuasa pada 1 Februari 2021



PUAN NOR AZLINA BINTI ABDUL AZIZ

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Perbendaharaan
Negeri Selangor

Berkuatkuasa pada 1 Februari 2021



TUAN HAMIZAM BIN ABDULLA ZABIDI @ AHMAD ZAWAWI

Timbalan Pengarah, Seksyen Makro Dan Penswastaaan,
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)

Berkuatkuasa pada 1 Februari 2021



TUAN MUHAMMAD HEEZA BIN HASSAN

Timbalan Pengarah, Seksyen Sektorial,
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)

Berkuatkuasa pada 1 Februari 2021



PUAN MARINA BINTI MAHAYUDIN

Ketua Penolong Setiausaha Kanan F52
Bahagian Pengurusan maklumat

Berkuatkuasa pada 11 Januari 2021



LAWATAN DATO' MENTERI BESAR SELANGOR KE PUSAT KUARANTIN MAEPS SERDANG

TARIKH : 19 JANUARI 2021 | TEMPAT : PUSAT KUARANTIN MAEPS, SERDANG

Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) Serdang telah menerima kunjungan YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam usaha meneliti kebolehpupayan Pusat Kuarantin tersebut menerima dan memberi rawatan kepada pesakit Covid-19 yang berisiko rendah. Dalam masa sama, lawatan dijalankan bertujuan memberi motivasi kepada petugas kesihatan yang bertungkus lumus dalam usaha mengekang penularan wabak Covid-19.

Lawatan turut diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Datuk Dr Sha'ari Ngadiman dan Pengarah PKRC Maeps 2.0 Dr Shahabuddin Ibrahim.





SESI PENDENGARAN UMUM AMANAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR SEMPENA TAHUN BAHARU 2021

TARIKH : 21 JANUARI 2021 | TEMPAT : BANGUNAN SSAAS, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR




Buat julung-julung kalinya amanat Sesi Pendengaran Umum dari YAB Dato' Menteri Besar dilaksanakan dalam norma baharu dimana dilakukan secara atas talian. Hampir keseluruhan kakitangan mengambil bahagian dalam sesi pendengaran umum ini turut serta Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya.




HARI TERAKHIR PENGOPERASIAN BILIK GERAKAN COVID-19 NEGERI SELANGOR DI BILIK MESYUARAT RENANTHERA, BAHAGIAN KORPORAT PEJABAT SUK SELANGOR

TARIKH : 26 JANUARI 2021 | TEMPAT : BAHAGIAN KORPORAT, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



Mulai 27 Januari Pengoperasian Bilik Gerakan COvid-19 Negeri Selanagor akan mula beroperasi di Selangor Intelligent Operation Centre (SIOC) untuk diselaraskan secara bersepadu bersama pasukan Selangor Task Force Covid-19 (STFC) dan Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor. Bilik Gerakan Covid-19 ini ditubuhkan pada 18 Mac 2020 dimana pada awalnya bertempat di Bilik Mesyuiarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES),

Kemudian berpindah ke Bilik Mesyuarat Renanthera, Bahagian Korporat pada 18 Mei 2020. Bilik gerakan ini ditubuhkan khusus untuk menyelaras dan memantau semua isu berkaitan Covid-19 di Selangor. Dengan kewujudan Bilik Gerakan ini, petugas akan membantu pemanggil dengan memberi maklumat berkenaan isu atau Standard Operating Procedure (SOP) yang terkini daripada Kerajaan Persekutuan.



PELANTIKAN DATO' NOR AZMIE DIRON SELAKU SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR YANG BAHARU

Tahniah diucapkan kepada YB Dato' Nor Azmie Diron yang telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang baharu berkuatkuasa pada 3 Februari 2021

1. YB Dato' Nor Azmie telah memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam dengan pelantikan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) sejak 1995.

2. Berkelulusan Sarjana Pengurusan Teknologi Maklumat dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

3. Pernah berkhidmat di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Usahawan serta Jabatan Perdana Menteri (JPM).



4. Berpengalaman luas menguruskan beberapa portfolio termasuk keusahawanan, kewangan dan pengurusan sumber manusia melalui pengalaman selama 26 tahun di dalam perkhidmatan awam.

5. Pernah memegang jawatan-jawatan penting di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor sebelum dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri Selangor pada 2018.

Kerajaan Negeri Selangor mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada Dato' Nor Azmie dan mengharapkan beliau akan terus menyumbang khidmat bakti buat Negeri Selangor Darul Ehsan.

Setinggi-tinggi tahniah

kepada

Yang Berhormat Dato' Nor Azmie Diron

di atas pelantikan sebagai

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR**

ikhlas daripada



**PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI
SELANGOR**



KUNJUNGAN AGENSI LUAR KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

KUNJUNGAN PENGARAH PERTAHANAN AWAM NEGERI SELANGOR

YS. PPJ. (PA) MOHD YUSOFF BIN SAMAD



1 MAC 2021 | PEJABAT SUK SELANGOR



KUNJUNGAN PENGARAH PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR

YBHG. DATO' HJ. ROSLI BIN ISA



1 MAC 2021 | PEJABAT SUK SELANGOR



KUNJUNGAN AGENSI LUAR KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

KUNJUNGAN TIMBALAN KSU (SEKTOR DASAR & PEMBANGUNAN) KEMENTERIAN KERJA RAYA

YBHG. DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD



1 MAC 2021 | PEJABAT SUK SELANGOR



KUNJUNGAN PENGARAH IMIGRESEN NEGERI SELANGOR

TUAN MOHAMAD SHUKRI BIN NAWI



2 MAC 2021 | PEJABAT SUK SELANGOR



KUNJUNGAN AGENSI LUAR KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

KUNJUNGAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI SELANGOR

YBHG. DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN



2 MAC 2021 | PEJABAT SUK SELANGOR



KUNJUNGAN PENGARAH AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) SELANGOR

DR. NAZIRA BINTI SADIRON



15 MAC 2021 | PEJABAT SUK SELANGOR



KUNJUNGAN AGENSI LUAR KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

KUNJUNGAN PENGARAH PENERANGAN NEGERI SELANGOR



TUAN ALI BIN SUHAILI

24 FEBRUARI 2021 | PEJABAT SUK SELANGOR

KUNJUNGAN PENGARAH KESELAMATAN MALAYSIA CSGO



TUAN HAJI NORAZMI BIN ABDULLAH

22 FEBRUARI 2021 | PEJABAT SUK SELANGOR

KUNJUNGAN PENGARAH SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR) NEGERI SELANGOR



TUAN SHAFIE BIN TAIB

23 FEBRUARI 2021 | PEJABAT SUK SELANGOR

KUNJUNGAN HORMAT DATO' SUK KE AGENSI LUAR

KUNJUNGAN HORMAT YB DATO' SUK KEPADA KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN



KUNJUNGAN HORMAT YB DATO' SUK KEPADA PENGURUSI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

YAD TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF



PROGRAM IMUNISASI COVID-19

KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR

TARIKH : 25 FEBRUARI 2021 | TEMPAT : HOSPITAL SHAH ALAM



TRIVIA

- YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor serta ahli Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri Selangor merupakan penerima awal vaksin COVID-19 untuk fasa pertama.
- Jumlah keseluruhan petugas baris hadapan yang bakal menerima vaksin fasa pertama adalah sebanyak 66,690 orang
- Selangor akan bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan akan menyediakan dos yang secukupnya untuk semua warga Selangor.

#LindungDiriLindungSemua


#SelangorGempurCOVID19





PERJUMPAAN DATO' SUK BERSAMA KETUA JABATAN

TARIKH : 25 FEBRUARI 2021 | TEMPAT : BILIK MESYUARAT PEJABAT DATO' SUK SELANGOR



TRIVIA

- Merupakan perjumpaan kali pertama YB Dato' Nor Azmie Diron selepas dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 3 Februari 2021.
- Perjumpaan ini melibatkan semua Ketua-ketua Jabatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.





PERHIMPUNAN PAGI SESI BICARA SUK

TARIKH : 1 MAC 2021

TEMPAT : BANGUNANAN SSAAS, PEJABAT SUK SELANGOR

Buat julung-julung kalinya perhimpunan bulanan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dilaksanakan di atas talian. Hal ini kerana Negeri Selangor masih diletakkan sebagai zon merah dan perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Perhimpunan pagi yang dilakukan secara maya mendapat sambutan yang menggalakkan dari kakitangan pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

**DISAMPAIKAN OLEH : DATO' NOR AZMIE DIRON
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Menggunakan platform *Microsoft Teams* sebagai perantaraan, Perhimpunan Pagi - (Bicara Dato' SUK) yang disampaikan oleh YB Dato' Nor Azmie Diron, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor menyampaikan amanat kepada semua warga SUK yang terdiri dari Ketua-Ketua Jabatan dan Kakitangan.



SESI PERJUMPAAN YB SUK DENGAN SEMUA PEGAWAI GRED 41 KE ATAS (SAYAP PENGURUSAN)

2 MAC 2021 | BILIK GERAKAN ANNEX, PEJABAT SUK SELANGOR



TRIVIA

- Merupakan perjumpaan kali pertama YB Dato' Nor Azmie Diron selepas dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 3 Februari 2021.
- Perjumpaan ini melibatkan Pegawai Gred 41 dan keatas di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



MAJLIS PERASMIAN STESEN TRANSIT KUARANTIN NESTLÉ

TARIKH : 4 MAC 2021 | TEMPAT : HOTEL PENGASUS, IDCC SHAH ALAM

DIRASMIKAN OLEH : YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
MENTERI BESAR SELANGOR

Perasmian Stesen Transit Kuarantin Nestle disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor yang bertempat di Hotel Pengasus, IDCC Shah Alam. Nestle menubuhkan pusat kuarantin dalam usaha membantu mengekang penularan wabak Covid-19. Stesen Transit Kuarantin Nestle yang terletak di Hotel Pengasus bertindak sebagai pusat kuarantin yang menempatkan individu yang disahkan sebagai kontak rapat kepada pesakit Covid-19 atau Pesakit dalam Pemantauan (PUS).

Terdapat 100 bilik yang disediakan bagi membolehkan individu-individu tersebut menjalani kuarantin sendiri di Stesen Transit Kuarantin Nestle. Individu tersebut perlu mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang ketat sepanjang berada di Stesen Kuarantin tersebut. Turut hadir semasa majlis tersebut Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Nor Azmie Diron dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr. Siti Mariah Mahmud.



SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR



8 MAC 2021 | FOYER PEJABAT SUK SELANGOR

Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor & Pra-Pelancaran Ekspo Hasil Suri Selangor (HASSEL) HYBRID 2021 telah diadakan pada 8 Mac 2021 bertempat di Foyer, SUK Selangor. Majlis telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar Selangor yang hadir bersama Isteri beliau Datin Seri Masdiana Muhamad.

Tema Hari Wanita Sedunia 2021; adalah Memilih Untuk Mencabar, #ChooseToChallenge, Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat Negeri Selangor. Turut diadakan Majlis Pra-Pelancaran Ekspo Hasil Suri Selangor (HASSEL) 2021 untuk tahun Ke-2, yang bakal dilaksanakan secara norma baharu di mana Ekspo ini merupakan platform untuk semua Wanita di Negeri Selangor mengetengahkan produk lokal masing-masing, dan hasil tangan para Suri Selangor.



MAJLIS DEMONSTRASI KIOSK PUNGUTAN, SMARTBOX PTG SELANGOR



9 MAC 2021 | FOYER PEJABAT SUK SELANGOR

Sesi Demonstrasi dan Taklimat Pungutan Smartbox PTGS telah diadakan pada 9 Mac 2021 bertempat di Foyer SUK. Sesi tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato' Nor Azmie Diron, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi PTGS. Sesi tersebut turut dihadiri oleh Encik Jaiya bin Abu daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Semoga dengan kewujudan Smartbox PTGS ini akan melancarkan dan mempermudah urusan orang awam di PTG Selangor.





MAJLIS ANGKAT SUMPAH JAWATAN DAN TAAT SETIA AHLI-AHLI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR SESI 2020-2022

TARIKH : 15 MAC 2021 | TEMPAT : BALLROOM, DEWAN JUBLI PERAK



Watakah perlantikan yang disampaikan oleh Dato' Nor Azmie Diron, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berlangsung dalam norma baharu dimana penerima dan mereka yang hadir perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Penerima yang hadir terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan lapan orang ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPAN). Antara tanggungjawab yang diterima oleh ahli Suruhanjaya antaranya Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat dan Lembaga Rayuan Tatatertib. Lantikan mereka adalah berkuatkuasa bagi sesi 2020-2022.





LAWATAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

YB KHAIRY JAMALUDDIN

KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

TARIKH : 25 MAC 2021

TEMPAT : BANGUNAN ANNEX, PEJABAT SUK SELANGOR

Lawatan kerja dari YB Khairy Jamaluddin ke Pejabat SUK Selangor yang diiringi oleh Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor ini mengenai usaha kerajaan negeri dalam menguruskan Program Imunisasi Covid-19 (CITF) peringkat negeri

Selangor. Dato' Menteri Besar Selangor terdahulu telah mempengerusikan Mesyuarat Badan Bertindak Program Imunisasi Covid-19 (CITF) Peringkat Negeri Selangor dimana intipati mesyuarat tersebut menyentuh mengenai usaha kerajaan Selangor untuk membeli secara terus keperluan bekalan vaksin daripada pembekal.

Ini berikutan keperluan Selangor mempunyai ramai golongan berisiko serta memiliki industri yang besar melibatkan 120 syarikat dengan lebih tiga juta pekerja di negeri ini. Khairy Jamaluddin menyokong usaha ini dan sedia membantu dalam memastikan proses perolehan vaksin tersebut dapat disempurnakan. Lawatan diakhiri dengan pemberian cenderahati dari Dato' Seri Amirudin bin Shari kepada pihak Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai tanda penghargaan dari kerajaan negeri Selangor.





PROGRAM RAPAT MALAYSIA PRIHATIN

PERINGKAT NEGERI SELANGOR

29 MAC 2021 | HOTEL CONCORDE, SHAH ALAM



Program Rapat MALAYSIA PRIHATIN Peringkat Negeri Selangor anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Negeri Selangor (PPNS) selaku Sekretariat Induk. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YB Dato'Seri Mohamed Azmin bin Ali, Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Turut hadir, YB SUK Selangor, Dato' Nor Azmie Diron dan Pegawai-Pegawai Kanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Program ini bertujuan untuk menyampaikan dengan lebih jelas tentang inisiatif Malaysia PRIHATIN kepada penjawat awam di Negeri Selangor.



MAJLIS PELANCARAN DAN PECAH TANAH HAB SEKURITI MAKANAN SELANGOR SMART AGRO PARK

26 MAC 2021 | CHANGKAT MENTERI, SABAK BERNAM

Dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar, merupakan satu inisiatif dari Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membangunkan program keselamatan bekalan makanan di Selangor Smart Agro Park (SSAP) dalam memastikan keselamatan makanan di negeri Selangor terjamin. Majlis tersebut dimulai dengan pembentangan Dato' Menteri Besar mengenai bagaimana Selangor Smart Agro Park (SSAP) berfungsi. Turut hadir sama semasa program berlangsung ialah YB Dato' Nor Azmie Diron, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim.



